# Menyingkap permasalahan nelayan Kuala Penyu

UB 16-06-2012 B5

Oleh ABD.NADDIN HJ.SHAIDDIN
abdnaddin@yahoo.com

**SEBUAH perahu sudah tersedia ketika kampi tiba di Pantai Pelakat, Kuala Penyu. Cuaca agak cerah pagi itu. Kami berharap dapat melihat kemunculan dugong, sejenis haiwan mamalia di perairan itu. Mungkin tinggal seekor lagi, kata Inus Juin,51, seorang penduduk kampung Pelakat. Hobinya memancing ikan. Sejak dahulu lagi, Inus sering melihat dugong berkeliaran di perairan Pelakat-Kiaru itu kerana haiwan itu suka memakan rumpai laut.**

Tinggal seekor lagi, ulangnya. Mungkin yang masih hidup itu duging betina, katanya. Sebelum ini, seekor dugong jantan telah mati terjerat pukat.

Namun kesannya termasuk tulang-tulangnya tidak dapat dikesan lagi kerana telah dibuang oleh nelayan yang khuatir mereka dipersalahkan kerana kematian dugong, sejenis haiwan yang dilindungi itu.

Pencarian terhadap dugong itu memberi peluang kepada kami untuk melihat cara hidup nelayan dan alam daerah Tatana di Kampung Pelakat. Bukan itu saja, realiti kehidupan nelayan di Kuala Penyu juga dapat ditelusuri sambil menyelami permasalahan hidup mereka yang bimbangkan masa depan sebagai nelayan.

Menurut laporan akhbar pada Mei 2012, sebanyak 95 peratus daripada isi rumah keluarga nelayan di negeri ini sudah melepasi garis kemiskinan. Ini terdapat dalam Banci Nelayan 2012. Dalam kajian yang dilakukan dalam tempoh November 2008 hingga Mac 2012 yang dijalankan oleh Ko-Nelayan dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) diketuai Dr.Ismail Ali menyimpulkan bahawa program-program meningkatkan taraf hidup nelayan yang dilaksanakan Ko-Nelayan, Agensi Persekutuan dan Negeri telah berjaya meningkatkan pendapatan nelayan pesisir pantai atau artisanal. Bancian mereka juga mendapati bilangan nelayan negeri ini adalah seramai 14,260 orang berbanding anggaran yang dibuat Jabatan Perikanan iaitu seramai 20,845 orang.

Namun demikian kehidupan nelayan, khususnya di Kuala Penyu masih tidak menentu. Seorang penyelidik ekonomi perikanan, Dr.James Alin dari UMS berkata Kuala Penyu mempunyai jumlah nelayan kedua terbesar menjadikannya daerah pendaratan ikan ketiga besar di kawasan Pantai Barat Selatan.



ASLI BIN BURAZAK



INUS JUIN

Pendaratan ikan oleh nelayan tradisi di Kuala Penyu berjumlah 3,613.89 tan metrik. Mereka juga dikenali sebagai nelayan pesisir pantai atau artisanal kerana dua sebab berkaitan; pertama , mereka mengguna alat seperti tali kail (mengail pancing, rawai umpan, pancing ikan kayu) , bintor, lawa-lawa. Alat –alat ini mempunyai catch per unit efforts (CPUE) atau tangkapan setiap unit usaha amat rendah, ini juga menyebabkan pendapatan mereka rendah dan tidak menentu.

Menurutnya,Kuala Penyu mempunyai seramai 1,577 nelayan (mengikut kumpulan alat tangkap ikan berlesen) dan 735 perahu (vessels) berlesen. Dari jumlah ini, 125 perahu berenjin dalam (inboard engine) , mereka ini dikategorikan sebagai nelayan komersial sementara 610 perahu enjin sangkut (outboard) adalah nelayan tradisi.

Kuasa enjin sangkut rendah dan alat menangkap ikan yang digunakan oleh nelayan pesisir pantai menyebabkan jarak kawasan menangkap ikan mereka terhad dalam 5 batu nautical dari pantai di Mesapol, Tinambak, Sawangan, Purun, Palu- Palu hinggalah ke Teluk Kimanis. Hampir kesemua nelayan tradisi di sini mewarisi pekerjaan (belajar melalui pengalaman, kemahiran dan pengetahuan hidupan laut setempat) dari nenek moyang mereka.

Catatan sejarah menunjuk bahawa hak milik bersama kawasan penangkapan ikan (lubuk ikan dan lokasi lawa-lawa) mereka ini "pre-existing" kerana ianya telahpun wujud pada zaman kolonial, katanya.

Beliau menyuarakan kebimbangan mengenai langkah melarang nelayan menangkap ikan di perairan Teluk Kimanis. Katanya, penutupan Teluk Kimanis kepada penangkapan ikan akan menyebabkan kesemua nelayan pesisir pantai kehilangan mata pencarian dan cara hidup tradisi mereka.



KUALA PENYU miliki jumlah nelayan terbesar kedua di kawasan Pantai Barat Selatan.

Teluk Kimanis menjadi tumpuan mereka kerana ianya bukan sahaja dekat tetapi terlindung daripada ribut yang berbahaya kepada nelayan berperahu enjin sangkut, memusnahkan lawa-lawa dan Bagang. Kawasan laut antara sempadan Taman Laut Pulau Tiga dan di luar Zon Operasi Eksklusif (seluas 183.6 kilometer persegi) di Teluk Kimanis akan menjadi sesak kerana kesemua nelayan dari Kawang, Pantai Kimanis, Membakut, Bongawan, Klias serta Kuala Penyu akan bersaing menangkap ikan di kawasan itu.

Pendaratan ikan laut tahun 2008 oleh nelayan tradisi per kapita untuk Kuala Penyu adalah 2,179.13 kg (3,613,000 kg dibahagi dengan jumlah penduduk 16,558 orang). Sekiranya kesemua ikan ini hanya dimakan oleh penduduk Kuala Penyu sahaja, maka setiap individu memakan 2, 179 kg setahun (atau 181 kg ikan hasil tangkapan nelayan tradisi / sebulan). Bandingkan angka ini dengan jumlah ikan dimakan per kapita negara yang hanya 56kg, katanya.

"Jumlah pendaratan nelayan tradisi sangat tinggi tetapi nilai borong hanyalah sebanyak RM9, 065.89 ('000) berbanding dengan nilai runcit RM 22,145.08. Kenapa harga borong lebih rendah dari harga runcit ikan? Jawapannya mudah; ikan adalah makanan yang mudah rosak (busuk), maka perlu dijualnya secara pukal sejurus selepas pendaratan kerana mengasingkan ikan mengikut kualitinya (bergantung kepada species serta kesegaran) akan merugikan tenaga dan masa nelayan, peraih dan pemborong.

"Ini adalah salah satu punca kenapa nelayan tradisi masih lagi miskin. Harga runcit lebih tinggi kerana ikan-ikan ini sudahpun melalui proses pembezaan kualiti yang saya sebutkan tadi. Kuantiti yang berlebihan ini (ikan –ikan berharga tinggi, saiz besar, species tertentu dan segar) dihantar dan dijual runcit di Beaufort, KK, Miri and Brunei yang mempunyai kuasa beli yang lebih tinggi," kata Dr.James Alin kepada Utusan Borneo.



DANIEL dan inus di atas perahu mereka.

Inus Juin,51, pula menyatakan nelayan pesisir pantai Kuala Penyu masih lagi hidup dalam kemiskinan. "Ada banyak punca kenapa kami masih lagi miskin walaupun tidak sedaif nenek moyang kami. Hasil tangkapan kami semakin hari semakin sedikit.

"Kawasan menangkap ikan kami seringkali diceroboh oleh kapal tunda dan nelayan warga negara asing. Kawasan menangkap ikan juga semakin terhad akibat larangan Taman Laut Pulau Tiga.," katanya.

Apabila Enakmen Pelabuhan dan Dermaga 2002 dikuatkuasakan, kami dilarang sama sekali dari menangkap ikan di Zon Operasi Eksklusif di Teluk Kimanis, katanya.

Selain itu, seorang lagi nelayan,Asli bin Burazak, 62, dari Kampung Ilanun Kuala Penyu, masyarakat nelayan tidak atau kurang berpendidikan dan mempunyai bilangan ahli keluarga tanggungan yang ramai.

"Pendapatan dari laut yang semakin berkurang dan tidak menentu ini digunakan kesemuanya untuk menyara hidup, maka kami tidak mempunyai tabungan. Walaupun anak-anak kami mendapat peluang ke sekolah tetapi rata-ratanya tidak atau kurang berjaya dalam pelajaran kerana beleggu kemiskinan. Cita-cita anak-anak nelayan yang cerdik tidak akan kesampaian kerana ibu bapanya tidak berkemampuan kewangan. Mau tidak mau mereka akan menjadi nelayan yang sama miskinnya dengan generasi sebelumnya," katanya.

Hanya segelintir sahaja yang menerima bantuan melalui Jabatan Perikanan seperti pemberian peralatan penangkap ikan, kemudahan jeti , tukun tiruan dan sebagainya. Elaun hidup nelayan dan subsidi minyak yang disalurkan melalui LKIM bukan sahaja tidak memadai tetapi juga lambat akibat kerenah birokrasi.



WARTAWAN Utusan Borneo, Abd.Naddin Hj.Shaiddin bersama nelayan Pelakat.

"Pekerjaan nelayan sejak dahulu sehinggalah sekarang memang merbahaya, kotor, perit dan sangat mendesak,. Keadaan hidup dan masa depan kami akan bertambah malap akibat dasar kerajaan BN yang tidak prihatin dan tidak menghargai sumbangan nelayan pesisir pantai," katanya.

Seorang lagi nelayan pesisir pantai Kuala Penyu, *Daniel Julait,29 menyatakan* rasa tidak *puashati mengenai* pengharaman penangkapan ikan di Teluk Kimanis.

Walaupun beliau menyatakan bahawa nelayan pesisir pantai Kuala Penyu menyokong penuh pembangunan ekonomi SOGT kerana mereka berharap ianya akan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat dan akan memajukan daerah-daerah berdekatan.

"Kami cuma tidak puashati kerana Kerajaan tidak pernah memberitahu kami terlebih dahulu bahawa kemudahan marin SOGT akan menyebabkan Teluk Kimanis ditutup dari penangkapan ikan," katanya.

" Kami hanya mendapat tahu mengenai hal ini pada masa dialog kedua yang dianjurkan oleh Jabatan Perikanan di Bongawan Golf Resort. Pihak PETRONAS juga masih belum mengeluarkan kenyataan rasmi terhadap tuntutan-tuntutan pampasan kehilangan pendapatan setiap nelayan yang terjejas, kehilangan cara hidup dan pampasan gantirugi kepada masyarakat.

Pampasan gantirugi termasuk latihan dan bantuan pendidikan kepada anak-anak nelayan terlibat, kata Daniel.

Beliau juga menyatakan bahawa golongan nelayan, tidak puashati kepada pihak Lembaga Pelabuhan dan Dermaga kerana mereka hanya berdiam diri terhadap tuntutan pampasan oleh pihak nelayan.

Seorang pemimpin masyarakat di Kuala Penyu, Alex Sinten berkata Nelayan tradisi mempunyai dua sumbangan yang sangat besar. "Pertama, bekalan ikan merupakan salah satu food security negeri Sabah. Kedua, nelayan adalah pengundi setia pada setiap pilihanraya umum. Kuala Penyu mempunyai seramai 13,032 pengundi berdaftar, tetapi yang datang pengundi hanyalah lebih kurang 50% yang mana majoritinya adalah para nelayan. Mereka adalah penentu sama pemenang pilihanraya akan datang," katanya yang juga seorang akauntan bertauliah.

Alex yang lulus dari Universiti Strathclyde di Glasgow, pernah bertugas dengan syarikat petroleum di Miri selama 15 tahun. Beliau menyifatkan Kerajaan telah gagal memberi perhatian kepada nelayan di Kuala Penyu.

"Tahap hidup nelayan di sini masih mundur dan ketinggalan di belakang kerana wakil-wakil rakyat gagal memberikan kepimpinan yang berkesan," katanya. Beliau berkata, pemimpin khususnya wakil rakyat hanya muncul untuk mengumumkan dan mengagih-agihkan peruntukan yang mereka gembargemburkan untuk mendapat publisiti murahan.

Menurutnya, beliau sering meluangkan masa hujung minggu untuk mengunjungi saudara-saudara nelayan suku Tatana, Bisaya, Bajau, Tidong, Brunei , Cina, Binadan, Ubian dan suku lain di seluruh pelusuk daerah Kuala Penyu. Bagaimanapun beliau kecewa melihat kehidupan nelayan pesisir pantai masih tidak berubah kerana pemimpin mempersiakan mandat dan kepercayaan rakyat yang diberikan kepada mereka.

Para nelayan tidak pernah diberitahu, apalagi dibawa berunding berkaitan undang-undang yang mengharamkan penangkapan ikan di Teluk Kimanis. Malahan pihak terbabit masih belum mengeluarkan kenyataan rasmi berkaitan hal tuntutan gantirugi yang diajukan oleh para nelayan. Yang menyedihkan lagi adalah bahawa wakil rakyat-wakil rakyat masih lagi membisu seribu bahasa.

Ketika mengitari laut di sekitar kawasan perairan Pelakat-Kiaru itu, Inus memberitahu keluarga Dugong dan Lumba-Lumba (Dolpins) ini biasanya kelihatan juga berkunjung ke kawasan rumput laut serta batu-batu karang di perairan di antara Teluk Kimanis dan di kawasan laut sempadan Taman Laut Pulau Tiga.

"Salah salah Dugong (panjang 7 kaki seberat 200 kilogram) ini dilaporkan (dua minggu yang lalu) mati terkena pukat (mata besar )/big mesh size yang khas untuk menangkap ikan Yu and Pari. Dugong tersebut telah diambil oleh nelayan pesisir pantai tempatan untuk dimakan.

.Dugong juga dikenali sebagai lembu laut kerana dietnya rumput laut. Nelayan pesisir pantai kuala Penyu memanggilnya Duyung Babi. Mamalia marin ini sebagai IUCN Senarai Merah dan disenaraikan 'Terancam' menjadikan mamalia marin yang dilindungi oleh Enakmen Perikanan negeri Sabah.



ALEX SINTEN

Undang-undang yang melindungi Dugong dan ikan lumba-lumba dan kawasan habitatnya seperti Kuala Penyu dan Teluk Kimanis perlulah dikuatkuasakan sepenuhnya. Kapal- tunda yang mencerobohi kawasan zon pesisir pantai, telah menjejaskan pendapatan nelayan tradisi kerana hak milik kawasan lubuk menjadi "open access".

"Siapa-siapa pun boleh tangkap ikan di situ, ini menyebabkan mereka tidak merasai manfaat hakmilik tradisi (marine customary tenure /rights) atau penjagaan kawasan tersebut. Ini adalah salah satu punca kenapa kempen atau usaha membenteras pengeboman dan meracuni ikan di kawasan batu karang atau di kawasan rumput laut kurang mendapat sokongan padu dari nelayan pesisir pantai.," katanya.

Nelayan pesisir pantai boleh menjadi pengawal pantai terbaik untuk membantu Jabatan perikanan menyekat kemasukan nelayan pedatang asing sekiranya mereka boleh menikmati faedah pemuliharaan alam. Misalnya industri eko-pelancongan melihat Dugong dan ikan lumba –lumba di Terumbu Batu karangan Australia telah menjana pendapatan yang besar dan telah mengubah nasib masyarakat Orang Aborigines yang dulunya nelayan pesisir pantai miskin.

Larangan menangkap ikan akibat penutupan Teluk Kimanis akan menyebabkan pekerjaan tradisi ini akan hilang ditelan zaman. Pengambilalihan Teluk Kimanis tanpa berunding atau memberitahu atau memberi pampasan yang adil "stakeholders yang terjejas" akan menyebabkan hidup nelayan.

Nelayan merupakan salah satu elemen pelengkap keindahan dalam lanskap semulajadi atau dengan kata lain kewujudan nelayan dan perkampungan mereka adalah salah satu tarikan dalam pelancongan eko lautan. Sekiranya diberikan peluang dan latihan, nelayan yang biasa hidup di laut, merupakan calon terbaik sebagai pemandu pelancong, bot, pembantu juruselam dan sebagainya.Pengalaman dan pengetahuan setempat mereka yang mendalam mengenai hidupan lautan juga amat mustahak dalam pemuliharaan alam lautan. Walau bagaimanapun industri eko- pelancongan di Pulau Tiga tidak begitu banyak melibatkan masyarakat nelayan setempat.



BEBERAPA nelayan Kuala Penyu yang mempertahankan tempat menangkap ikan mereka.